

Jumaat, 11 Oktober 2019 | 12:51pm

KPDNHEP rampas 1,331 unit barangan elektronik tiruan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 1,331 unit barangan audio yang menggunakan cap dagang palsu dirampas dalam tiga serbuan serentak di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Cawangan Operasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Rosli Ahmad, berkata operasi yang diadakan pada 8 Oktober lalu itu membabitkan 31 anggota penguat kuasa agensi itu dari tiga negeri terbabit.

Katanya, operasi dibuat susulan aduan oleh wakil cap dagang berkenaan bahawa terdapat premis yang menjual barangan audio tiruan di pasaran.

"Hasil serbuan ke atas tujuh premis berkenaan, kita menyita barangan audio elektronik termasuk earphone, headphone, speaker dan beberapa aksesori lain.

"Jumlah nilai rampasan bagi semua barangan berkenaan adalah RM20,275 iaitu lebih rendah daripada nilai harga sebenar barangan iaitu sekitar RM500,000.

"Barangan tiruan atau menggunakan cap dagang palsu itu dijual di pasaran dengan harga RM20 hingga RM30 bagi setiap jenis. Harga sebenar bagi barangan terbabit ialah sekitar RM500 hingga RM1,000 bagi setiap jenis," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Rosli berkata, semua premis berkenaan sudah lama beroperasi di negeri terbabit dengan menjual barangan audio elektronik berjenama terkenal dari Amerika Syarikat.

"Kita percaya barangan berkenaan diperoleh dari luar negara dan ia dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah," katanya.

Sehingga kini, tujuh kertas siasatan sudah dibuka dan kes disiasat mengikut Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki mendedah, membekal dan menyimpan barangan yang menggunakan cap dagang palsu.



Rosli (kanan) ketika melihat sebahagian barang rampasan selepas sidang media mengenai rampasan 1,331 unit barangan elektronik dianggarkan bernilai RM20,275. - NSTP/Ahmad Irham Mohd Noor